



BAHAGIAN KAWALAN PENYAKIT
JABATAN KESIHATAN AWAM
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
TINGKAT 2, BLOK E, KOMPLEKS PEJABAT-PEJABAT
JALAN DUNGUN, BUKIT DAMANSARA
50490 KUALA LUMPUR

Fax : 03-2561566
Tel : 03-2540088

Ruj. Tuan:
Ruj. Kami: (23) dlm.KKM-171(193/6)
Tarikh : 16 Julai, 1998

Pengarah Kesihatan Negeri
Perlis, Kedah, P.Pinang, Perak, Selangor, N. Sembilan, Melaka,
Johor, Pahang, Terengganu, Kelantan, Sabah dan Sarawak.

Pengarah
Jabatan Kesihatan, dewan Bandaraya, Kuala Lumpur

Y. Bhg. Dato'/Tuan,

NOTIFIKASI KES HIV, KES AIDS DAN KEMATIAN PESAKIT AIDS

Adalah saya diarah menarik perhatian Y.Bhg. Dato'/Tuan akan perkara di atas serta peruntukan seksyen 10.(2) Akta Pencegahan dan pengawalan Penyakit Berjangkit 1988, yang mewajibkan pengamal perubatan yang merawat pesakit yang dijangkiti penyakit berjangkit yang dinyatakan dalam Jadual Pertama (dilampirkan) untuk memaklumkan kepada Pegawai Kesihatan yang paling hampir tanpa kelengahan.

2. Untuk makluman Y.Bhg. Dato'/Tuan, " Human Immunodeficiency Virus Infection (semua jenis) " yang dimaksudkan di dalam bahagian II, " Jadual Pertama " tersebut termasuklah peringkat jangkitan HIV asymptomatik, peringkat AIDS dan kematian pesakit AIDS. Pemberitahuan (notifikasi) perlu dilaksanakan pada setiap peringkat walaupun bagi pesakit yang sama.

3. Pengamatan Cawangan AIDS/STD ke atas bilangan kes AIDS dan HIV yang dilaporkan kepada pihak Kementerian Kesihatan mendapati terdapat beberapa negeri di mana peratus kes AIDS dilaporkan amat rendah berbanding jumlah kes HIV/AIDS yang dilaporkan (Sila lihat lampiran 1). Ada kemungkinan pegawai terbabit yang merawat pesakit HIV/AIDS telah tidak membuat laporan seperti yang dikehendaki oleh undang-undang.

4. Sehubungan dengan itu, kerjasama Y.Bhg. Dato'/Tuan adalah diminta untuk memaklumkan semua anggota yang terlibat merawat pesakit HIV/AIDS supaya melaporkan semua kes HIV, kes AIDS dan kematian pesakit AIDS kepada Pegawai Kesihatan Daerah terdekat.

Sekian, untuk perhatian dan tindakan Y.Bhg. Dato'/Tuan.

Terima kasih.



(DATO' DR. HAJI ABDUL AZIZ MAHMOOD)

Pengarah Kawalan penyakit

Kementerian kesihatan Malaysia

- s.k. - Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia.
- Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan).
- Pengarah Hospital